Kenyataan Media

SURUHANJAYA TERBITKAN KOD TATALAKU (AMALAN TERBAIK) UNTUK PENYEDIA PERKHIDMATAN PESANAN INTERNET DAN PENYEDIA PERKHIDMATAN MEDIA SOSIAL

CYBERJAYA, 20 Disember 2024 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia hari ini telah menerbitkan Kod Tatalaku (Amalan Terbaik) untuk Penyedia Perkhidmatan Pesanan Internet dan Penyedia Perkhidmatan Media Sosial. Kod Tatalaku (Amalan Terbaik) ini adalah susulan daripada Laporan Rundingan Awam yang diterbitkan pada 18 Disember 2024.

Kod Tatalaku (Amalan Terbaik) telah dibangunkan untuk menyokong kerangka kelesenan untuk penyedia perkhidmatan pesanan Internet dan penyedia perkhidmatan media sosial, yang menggariskan amalan terbaik untuk diterima pakai oleh penyedia perkhidmatan dalam menangani kandungan dalam talian yang memudaratkan dan keperluan tatalaku yang lain. Kod Tatalaku (Amalan Terbaik) bertujuan untuk memastikan penyedia perkhidmatan mengutamakan keselamatan dalam talian, terutamanya untuk kanak-kanak dan golongan rentan.

Suruhanjaya menghargai maklum balas yang diterima sepanjang proses rundingan awam tersebut. Maklum balas daripada pihak awam telah bantu memastikan Kod Tatalaku (Amalan Terbaik) mampu menangani cabaran yang sentiasa berkembang dalam persekitaran dalam talian sambil mewujudkan ruang yang lebih selamat dan terjamin untuk semua rakyat Malaysia.

Kod Tatalaku (Amalan Terbaik) ini juga akan disemak dari semasa ke semasa mengikut keperluan untuk memastikan ia kekal relevan dan berkesan dalam menangani cabaran semasa. Suruhanjaya akan memberikan panduan dalam penerapan Kod Tatalaku (Amalan Terbaik) ini untuk memastikan keberkesanannya bagi mengekalkan persekitaran dalam talian yang selamat.

Untuk maklumat lanjut dan akses kepada Kod Tatalaku (Amalan Terbaik), sila layari pautan berikut: https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/Resources/MCMC_Code-of-Conduct-Best-Practice-for-Service-Providers.pdf.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | **F**: + 60 3 86 88 10 00 | **E**: corporate.communications@mcmc.gov.my | **W**: www.mcmc.gov.my

Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia
MCMC_RASMI
SKMM_MCMC
MCMCTV